

Realiti Pemilikan Tanah Komunal: Satu Analisis dari Perspektif Masyarakat Orang Asli

*The Reality of Communal Land Ownership: An Analysis from
the Perspective of the Orang Asli Community*

NURUL AMIRA ABDUL WAHAB & AZIMA ABDUL MANAF

ABSTRAK

Pemilikan tanah dinilai sebagai salah satu elemen penting kepada kesejahteraan dan kelestarian hidup komuniti, akan tetapi bagi Orang Asli ia menjadi satu cabaran dari segi mendapatkan jaminan pegangan pemilikan tanah yang selamat. Orang Asli merupakan penduduk awal yang menduduki Semenanjung Malaysia termaktub dalam Perlembagaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). Mereka memiliki hak dan keistimewaan yang tersendiri dan telah menduduki kawasan yang telah diperuntukkan dalam Akta ini bagi pendudukan mereka. Namun di Semenanjung Malaysia terutama dalam konteks peruntukan Akta Orang Asli, idea tanah komunal tidak dinilai sebagai satu elemen penentu dalam memperkasa komuniti Orang Asli ke arah pemilikan tanah yang selamat. Malah, isu ataupun konflik berkaitan pembangunan di tanah Orang Asli telah menjejaskan nilai tanah adat mereka. Situasi ini menggambarkan wujudnya keperluan pemilikan tanah secara komunal kepada Orang Asli dari perspektif kerajaan bagi tujuan melindungi kesejahteraan hidup komuniti. Sehubungan itu, artikel ini meneroka keperluan pemberimilikan tanah komunal dari perspektif Orang Asli. Artikel ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik. Seramai 150 responden Orang Asli yang menetap di negeri Selangor, Perak dan Pahang telah dipilih melalui kaedah persampelan bukan kebarangkalian iaitu bertujuan dan data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS versi 26). Analisis dapatan artikel mendapati keperluan pemilikan tanah komunal dari perspektif orang Asli adalah tinggi. Ini jelas daripada dapatan menunjukkan tahap penerimaan Orang Asli terhadap pemilikan tanah komunal didorong oleh faktor adat dan identiti, budaya, sosial, ekonomi dan pemeraksanaan. Namun, aspek yang berkait dengan pemeraksanaan dinilai kurang mempengaruhi kesepakatan Orang Asli berkenaan pemilikan tanah komunal.

Kata kunci: Orang Asli, pemilikan tanah, tanah komunal, Akta 134, kesejahteraan

ABSTRACT

Land ownership is one of the most important factors for community sustainable and well-being. Yet for the Orang Asli, it's a way to secure a land tenure. Orang Asli is an abbreviation for Orang Asli of Peninsular Asia according to Orang Act Asli 1954 (Act 134) and Constitution of Malaysia. They possess unique rights and privileges and have previously acknowledged the provisions stated in this Act. However, in Peninsular Asia, the concept of communal land does not serve as a single pillar in uniting Orang Asli to the land ownership. The value of the Orang Asli's land has been impacted by the issue caused by the development of their land. The situation illustrates the necessity of communal land from the viewpoint of the government in order to protect the well-being of the community. Therefore, this article highlights the necessity of preserving communal land from the viewpoint of Orang Asli. This article employed a quantitative methodology, utilising questionnaires. A non-probability sampling technique that is purposive was used to select 150 Orang Asli respondents who resided in the states of Selangor, Perak, and Pahang. The Statistical Package for the Social Sciences (SPSS Version 26) was used to analyse the data. The analysis of this article indicates how highly significant communal land ownership is to the Orang Asli community. The article that outlines how Orang Asli identity, religion, social, economy, and customs affect their land ownership. Nonetheless, there is a lack of consensus among Orang Asli over the necessary component for land ownership.

Keywords: Orang Asli, land ownership, communal land, Act 134, well being

PENGENALAN

Di Malaysia, Orang Asal lebih menjurus kepada Orang Asli yang telah termaktub dalam peruntukan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). Dalam peruntukan akta ini, Orang Asli merupakan penduduk asal yang paling awal menduduki Semenanjung Malaysia, serta memiliki keunikan identiti yang tersendiri. Hal ini jelas dapat digambarkan melalui hubungan yang istimewa antara Orang Asli dan tanah leluhur atau nenek moyang. Tanah bagi komuniti Orang Asli ini lazimnya adalah hak yang kolektif bukan sahaja penting sebagai nilai mata pencarian tetapi lebih ke arah sumber budaya, rohani dan sosial demi kelangsungan generasi akan datang. Oleh itu, Orang Asli di Malaysia terus komited memperjuangkan hak terhadap tanah sebagaimana hak yang diperuntukkan kepada mereka dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ini menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai kuasa terhadap undang-undang yang berkaitan Orang Asli dan tanah terutamanya dalam konteks pemilikan tanah dan pengurusan sumber semulajadi (Yogeswaran, 2013).

Namun melihat situasi negara kini wujudnya perubahan di mana pihak Kerajaan mula melihat kepentingan pemberimilikan tanah bergeran bagi memastikan keberadaan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Di Semenanjung Malaysia, tanah komunal dinilai sebagai salah satu sumber yang penting kepada kehidupan Orang Asli terutamanya memberikan pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan sumber asli (Yogeswaran, 2011). Pemilikan tanah menjadi keperluan yang terpenting dalam memperkasa masyarakat Orang Asli untuk melindungi keberadaan tanah adat dan sumber semulajadi demi kelangsungan hidup generasi yang akan datang (Yogeswaran, 2012). Oleh itu, keperluan pemilikan tanah komunal bukan sahaja di Malaysia malah banyak dibincangkan di luar negara termasuklah negara-negara di ASEAN. Penerapan geran tanah komunal telah banyak diterapkan dalam tanah milik orang Asal (Baird 2013; Colchester, 2004; Anderson 2011).

Idea terhadap hak tanah komunal ini telah banyak diterima dan mendapat pengiktirafan dalam memastikan keberadaan pemilikan tanah dan sumber semulajadi dalam kalangan orang Asal atau Orang Asli. Elemen yang berkait dengan adat, identiti, undang-undang dan sistem hak milik tanah perlu dikenalpasti dalam mewujudkan pengiktirafan terhadap tanah komunal (Yogeswaran, 2012). Bagi Orang Asli, identiti dan budaya terhadap tanah adat dilihat sebagai faktor penentu kepada kesejahteraan hidup komuniti mereka dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran. Sehubungan itu, penyatuan terhadap elemen-elemen hak milik tanah komunal ini perlu bagi menjadikan tanah adat kekal relevan dan bermakna bagi Orang Asli.

Secara ringkasnya, elemen adat dan identiti dalam kajian ini merujuk tanah sebagai aset atau ciri-ciri khusus yang terdapat pada Orang Asli yang menjadi lambang identiti mereka yang perlu dipelihara demi kelangsungan hidup. Selain itu, tanah komunal juga sebagai sumber budaya kerana tanah penting sebagai persekitaran tempat tinggal dan spiritual. Dari segi elemen sosial pula lebih menjurus kepada identiti Orang Asli, peraturan dan bentuk sosial yang menjadi pengantara hubungan antara komuniti tersebut dan tanah adat. Sumber tanah komunal telah dibincangkan bukan sahaja penting dalam konteks akses kepada tanah malah sumbangan kepada mata pencarian ekonomi atau produktiviti Orang Asli. Akhir sekali, elemen pemerikasaan Orang Asli dilihat dari keperluan pembangunan lestari komuniti ini secara holistik terutamanya dari segi perundangan bagi memastikan Orang Asli mempunyai peluang untuk terlibat dalam proses pembuatan keputusan mengenai tanah adat mereka.

KAJIAN LITERATUR

Elemen keperluan pemilikan tanah secara komunal diberi penghujahan secara meluas di peringkat dalam negara mahupun dari perspektif global. Pengkaji telah memberi penekanan kepada lima elemen utama yang menjadi teras dalam pemilikan tanah komunal iaitu elemen adat dan identiti, ekonomi, budaya, sosial dan elemen pemeraksanaan.

Tanah adat dirujuk sebagai hak milik komunal yang diiktiraf oleh undang-undang. Pemilikan ke atas tanah adat khususnya tanah komunal ini penting bagi Orang Asli kerana saling berkait dengan elemen adat, identiti dan budaya untuk kelangsungan hidup (Luturmas & Markbun, 2023). Dalam elemen adat dan identiti, tanah adat menjadi sebahagian hidup yang membentuk simbol identiti budaya kepada Orang Asli. Bagi komuniti ini, memelihara dan melindungi pemilikan tanah dan wilayah sumber nenek moyang akan mewujudkan norma budaya dapat mengekalkan kelangsungan hidup Orang Asli (Fahmi, 2024). Malah, komuniti peribumi ini menganggap mereka memegang kepercayaan yang mendalam bahawa wujudnya hubungan yang suci antara kaum mereka dan tanah leluhur yang lazimnya dalam bentuk pemilikan kolektif (Bappi, 2024). Komuniti tersebut juga berpendapat bahawa hak ke atas rumah, tanah pertanian dan wilayah hutan serta hak ke atas komunal perlu diberikan kepada komuniti mereka. Ini menggambarkan tanah sebagai maruah dan identiti peribumi bagi mereka.

Tanah secara umumnya penting sebagai sumber ekonomi dan mata pencarian sara diri yang digunakan untuk bertahan hidup (Pratama et al., 2024). Hal ini menjelaskan bahawa tanah secara milik komunal ini perlu diurus dan dipelihara terutamanya dari segi undang-undang bagi memastikan komuniti Orang Asli dapat menerima manfaat hasil daripada tanah adat dan kekayaan alam semulajadi. Tanah komunal atau tanah yang umumnya dijaga oleh ketua kampung atau pemimpin adat ini memiliki kedudukan yang bermakna dalam kehidupan Orang Asli kerana tanah merupakan salah satu sumber kekayaan yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi (Pratama et al., 2024). Menurut Keris & De Silva (2024) menyatakan pemilikan sumber tanah komunal ini dipunyai secara kolektif dan lazimnya tertumpu kepada kepentingan pemilik tanah individu menyebabkan komuniti cenderung bergantung pada amalan tanah yang mampan dan aktiviti pertanian komunal.

Dalam elemen sosial, keperluan tanah sebagai pengantara antara komuniti yang berkongsi tanah secara bersama memperlihatkan terjalannya ikatan yang unik antara keduanya. Hal ini jelas apabila Orang Asli berpendapat bahawa tanah bermakna sebagai tonggak utama kepada identiti dan budaya hidup kolektif mereka (Labibah et al., 2024). Oleh kerana itu keperluan memiliki tanah komunal ini penting bagi menyokong kelangsungan hidup dan warisan tanah adat terutamanya dalam penggunaan tanah tersebut.

Dalam elemen budaya pula, Orang Asli sangat mementingkan tanah adat mereka dengan tujuan untuk melindungi budaya dan pengetahuan komuniti peribumi. Hal ini kerana usaha melindungi diberi kepada lokasi bermulanya persekitaran asal budaya mereka, tanpa adanya tanah maka tidak akan munculnya budaya (Yew Chin et al., 2023). Perkara ini disokong oleh Taufiq & Nugroho (2024) menyatakan hak ke atas sumber tanah adat penting bagi melindungi tradisi adat dan kedudukan komuniti dari konflik dalam lingkungan mereka.

Justeru itu, elemen pemeraksanaan yang berkait dengan integrasi harmoni antara undang-undang adat mahupun formal, serta penglibatan Orang Asli dalam penggunaan tanah adat menjadi kunci dalam memastikan perlindungan hak milik tanah komunal, pemberdayaan ekonomi dan penguatan identiti budaya mereka. Dalam konteks ini, pihak berkepentingan seperti Kerajaan boleh memainkan peranan dalam memperkasa komuniti Orang Asli terutamanya yang lemah dari

segi ekonomi dalam mengurus seterusnya melindungi pemilikan tanah adat melalui undang-undang dari sebarang konflik (Hariyanto, 2024).

Ian G. Baird (2023) menyatakan pemberimilikan secara komunal boleh menjanjikan perlindungan ke atas hak milik tanah komuniti orang Asal. Kajian di Kemboja, pemilikan komunal ini penting bagi menjamin pemilikan tanah untuk kelangsungan hidup generasi orang Asal yang seterusnya. Justeru, orang Asal mempunyai hak untuk membuat keputusan mengenai tanah yang diduduki dan memperjuangkan pemilikan tanah yang diiktiraf. Namun begitu idea terhadap hak milik komunal ini lazimnya adalah rumit dan cenderung menghasilkan percanggahan dalam kalangan komuniti orang Asal (Baird, 2023; Anderson 2011; Baird 2013; Witthayapak & Baird 2018).

Bagi komuniti orang Asal, tanah komunal boleh menyumbang kepada penyatuan dalam pekerjaan dalam kehidupan seharian mereka (Karen Bell et al., 2023). Namun begitu, pemilikan tanah secara komunal ini boleh memberi impak kepada budaya kolektif orang Asal serta mendorong perubahan ke atas nilai tanah dan persekitaran alam semulajadi. Kajian oleh Karen Bell et al., (2023) di Peru, Amerika Selatan mendapat sesetengah komuniti orang Asal menyatakan tanah komunal dapat menjanjikan pengurusan tanah yang baik manakala segelintir berpendapat bahawa tanah komunal ini boleh menjejaskan tanah dari segi ekologi dan sosial. Oleh itu hak pemilikan kolektif ke atas tanah penting bagi memastikan kelangsungan hidup komuniti orang Asal dalam konteks ekonomi, sosial dan pemuliharaan biodiversiti (Karen Bell et al., 2023).

Kajian oleh Bennett et al., (2023) menyokong bahawa tanah komunal orang Asal di negara Peru, Amerika Selatan boleh melindungi keberadaan pemuliharaan hutan sekaligus memastikan kelangsungan hidup orang Asal. Dalam konteks ini, pegangan hak milik tanah yang formal dan sah dinilai penting bagi mengatasi isu dan konflik pencerobohan tanah orang Asal. Elemen yang berkaitan dengan sosioekonomi dan budaya perlu diberi penekanan penting dalam memastikan komuniti orang Asal boleh membuat keputusan terhadap kelangsungan tanah dan persekitaran tempat tinggal mereka. Keadaan ini menjelaskan bahawa komuniti orang Asal dilihat memperjuangkan hak komunal terhadap tanah leluhur mereka secara berterusan ke arah mencapai keselamatan pemilikan tanah orang Asal (Monterroso et al., 2017; Cronkleton et al., 2019; Bennett et al., 2023). Oleh itu, motif pemilikan tanah komunal secara formal dalam kalangan orang Asal banyak berkaitan dengan matlamat politik, budaya dan ekonomi bagi memastikan pengurusan tanah yang teratur atau mampan (Kohler & Brondizio, 2017; Schreckenberget al., 2018; Bennett, 2023).

Namun begitu tanah komunal di Zimbabwe, Afrika telah menyebabkan sektor kerajaan gagal untuk memperjuangkan hak asasi manusia, menghormati hak harta tanah dan budaya komuniti orang Asal. Keadaan ini telah memberi impak negatif terhadap interaksi sosiobudaya, ekologi dan ekonomi serta kepelbagaian budaya orang Asal sekaligus menjejaskan cara hidup komuniti tersebut. Malah, pembangunan secara meluas dan kepentingan komersial telah mengancam kehidupan komunal dan budaya orang Asal (Gwervevende, S., 2023). Misalnya, terdapat sesetengah orang Asal di tanah komunal negara tersebut berhadapan dengan isu pengusiran tanpa pampasan (Zvobgo, 2021; Gwervevende, S., 2023). Oleh yang demikian, aspek yang berkaitan dengan hak asasi manusia, warisan budaya, sosiobudaya dan persekitaran ekologi diberi penekanan yang penting dalam kehidupan seharian orang Asal bagi memastikan kelestarian dan keberadaan pemilikan tanah adat (Gwervevende, S., 2023). Kesemua aspek ini sangat perlu dengan adanya kerjasama di antara pihak governan dan komuniti orang Asal dalam mengatasi konflik mengenai identiti komunal dan mempertahankan hak orang Asal terhadap tanah leluhur.

Sehubungan itu, aspek yang berkaitan dengan sistem perundangan diberi penekanan khususnya dalam kontek pemilikan tanah orang Asal (O. Lewis, 2023). Di Nigeria, Afrika

misalnya komuniti Orang Asal mempunyai ikatan yang istimewa dengan tanah dari segi sejarah, geografi dan budaya yang mana boleh menentukan bagaimana pegangan terhadap tanah dalam undang-undang adat. Dalam konteks ini, sistem pemilikan tanah merangkumi hak dan institusi yang berfungsi untuk mengawal akses terhadap tanah dalam pemberimilikan dan keselamatan tanah (Oluwatayo et al., 2019; O. Lewis, 2023). Pemilikan tanah di negara tersebut didapati kebanyakan bergantung pada sistem perundangan iaitu common law, undang-undang adat dan sistem perundangan agama. Kajian oleh O. Lewis (2023) mendapati pemilikan tanah komunal di negara tersebut memperuntukkan individu atau ahli komuniti Orang Asli mempunyai hak yang kolektif (usufructuary rights) terhadap tanah termasuklah memelihara tanah dan sumber semulajadi (Shittu & Ors. v Hassan [2018] LPELR 45555 (CA); O. Lewis, 2023). Oleh itu aspek undang-undang adat dinilai sebagai sumber yang penting bagi kehidupan komuniti orang Asal terutamanya dalam mendapatkan pemilikan tanah yang diiktiraf.

Perkara ini disokong oleh Camino et al., (2023) menyatakan pemilikan tanah dinilai sebagai keperluan hidup yang penting bagi orang Asal mendapatkan hak milik tanah yang selamat bagi memastikan keberadaan pemuliharaan kawasan hutan dan ekosistem mereka. Namun begitu, kebanyakan orang Asal misalnya di negara Argentina, Bolivia dan Paraguay menghadapi pemilikan tanah yang tidak jelas menyebabkan komuniti tersebut terus menerus memperjuangkan pemilikan tanah yang selamat terhadap persekitaran tanah adat yang diduduki (Camino et al., 2023).

Aspek yang berkait dengan undang-undang terutamanya melibatkan hak-hak orang Asal perlu diberi penekanan yang penting bagi mengatasi kemerosotan tanah (Penados et al., 2023; Weitzner, 2019). Bagi orang Asal, hak mereka perlu dihormati dan diiktiraf melalui hubungan, perundingan dan konsensus yang telus antara orang Asal dan pihak kerajaan (Penados et al., 2023; Baker, 2013). Oleh yang demikian, perundingan yang melibatkan pembangunan ke atas hak orang Asal penting bagi mengelakkan daripada konflik, keganasan dan impak negatif terhadap kelangsungan hidup dan ekosistem komuniti tersebut. Hal ini kerana komuniti tersebut lazimnya memiliki hubungan sosial yang kuat dengan tanah secara kolektif bagi memastikan pengurusan tanah yang mampan pada masa akan datang (Penados et al., 2023).

Selain itu, pengurusan tanah di negara Kanada memperlihatkan terdapat gabungan pemilikan tanah yang formal melalui sijil pemilikan dan pajakan (Fligg et al., 2023; Fligg & Robinson, 2019; Flanagan et al., 2010). Hal ini mendorong wujudnya perbezaan pemahaman tentang pemilikan tanah dan sistem pengurusan tanah yang sedia ada sama ada secara formal mahupun tidak formal. Keadaan ini telah menyebabkan cara mengguna tanah yang berbeza dalam kalangan orang Asal. Di negara tersebut, cara pegangan tanah secara komunal dinilai penting bagi memastikan orang Asal dapat mengurus tanah dengan teratur (Fligg et al., 2023; Fligg & Robinson, 2019). Dalam konteks ini, tanah yang diguna adalah diiktiraf berdasarkan adat dan tradisi serta mematuhi dasar dan polisi pihak kerajaan (Fligg et al., 2023). Sehubungan itu, aspek yang berkait dengan pengurusan tanah komunal tersebut didapati penting bagi melindungi kepentingan tanah dan persekitaran biodiversiti orang Asal.

Menurut Diana et al., (2023) menyatakan akses dan penggunaan tanah secara komunal di negara Laos memberi penekanan penting kepada aktiviti pertanian komersial. Penggunaan tanah tersebut didapati telah menambahbaik mata pencarian ekonomi komuniti setempat dan pembangunan luar bandar (Diana et al., 2023; Newby et al., 2014, Baird, 2011, Dwyer, 2007). Tanah komunal merupakan sumber yang penting dalam keperluan pemilikan tanah dari segi agro-ekologi, politik dan sosial dalam kalangan komuniti orang Asal. Oleh itu, aspek yang berkaitan

dengan institusi hak milik tanah adat melibatkan tanah komunal didapati penting dalam memastikan komuniti orang Asal memperoleh hak terhadap tanah (Diana et al., 2023).

Welch et al., (2023) menyatakan tanah komunal sebagai aset yang penting bagi orang Asal terutamanya dalam konteks keselamatan dan pemilikan dari segi nilai rohani, ekologi, ekonomi serta sumber budaya. Hal ini kerana komuniti orang Asal ini masih lagi bergantung pada wilayah adat untuk kelangsungan budaya, spiritual dan identiti sejarah pendudukan mereka (Welch et al., 2023; Nicholas & Smith, 2020). Jelaslah bahawa aspek yang berkaitan governan, dasar-dasar tanah dan peruntukan undang-undang sememangnya perlu dalam memastikan pengurusan tanah dan proses pembuatan keputusan dalam kalangan orang Asal dapat dijalankan secara teratur.

Menurut Torres-Mazuera (2023), pemilikan tanah dan wilayah hutan misalnya di negara Mexico yang komunal dimiliki oleh orang Asal secara kolektif. Pemilikan tanah tersebut didapati memberi impak yang positif terutamanya dalam konteks meningkatkan nilai ekonomi dan mengatasi isu atau konflik tanah (Torres-Mazuera, 2023). Bagi komuniti orang Asal, pemberimilikan tanah tersebut yang berdasarkan undang-undang penting membolehkan mereka untuk mengguna tanah dengan selamat daripada pencerobohan ataupun pengambilan tanah oleh sektor asing (Torres-Mazuera, 2023).

Sebagai contoh, pemberimilikan tanah komuniti di negara Kemboja hanya diperuntukkan kepada orang Asal yang berdaftar dengan pihak kerajaan. Oleh itu, agensi kerajaan di negara tersebut mempunyai kawalan ke atas wilayah adat, tanah dan sumber semulajadi (Pichler et al., 2021). Dalam konteks peruntukan undang-undang tanah di negara mereka telah mengiktiraf pemilikan tanah secara sah dan orang Asal boleh mendapatkan hak perlindungan ke atas tanah dan harta mereka (Land Law, 2001, Art.26). Manakala, hak milik tanah di Myanmar dan Laos lebih memberi penekanan yang penting kepada undang-undang negara berdasarkan pemilikan adat. Namun begitu, peruntukan undang-undang tanah di negara Laos tidak menerapkan hak mengguna tanah secara kolektif atau berasaskan komuniti (Derbidge, 2021). Hal ini kerana wujudnya kekangan dalam proses mengawal selia untuk memformalkan pemilikan tanah adat walaupun perundangan yang sedia ada di kedua-dua buah negara digambarkan melibatkan pegangan oleh komuniti orang Asal. Oleh itu, aspek yang berkaitan governan dan undang-undang tanah termasuklah tanah komunal didapati sebagai salah satu sumber yang penting bagi mengekalkan urus tadbir dan pemilikan tanah adat dari segi ekonomi, sosial, rohani dan pemuliharaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Pengkaji telah menggunakan teknik persampelan bukan kebarangkalian iaitu jenis persampelan bertujuan dan telah berhasil mendapatkan seramai 150 orang responden dari 7 buah perkampungan masyarakat Orang Asli di negeri Selangor, Perak dan Pahang. Kampung Orang Asli tersebut dipilih kerana masyarakat ini mempunyai pengalaman dengan isu atau konflik berkaitan pemilikan dan pembangunan tanah Orang Asli. Pengkaji ingin mendapatkan perspektif Orang Asli terhadap keperluan pemilikan tanah komunal, maka masyarakat Orang Asli yang sudi bekerjasama untuk menjawab borang soal selidik sahaja dipilih sebagai responden. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik yang dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu:

Bahagian A: mengandungi soalan berkaitan maklumat latar belakang responden.

Bahagian B: mengandungi soalan berkaitan keperluan pemilikan tanah bergeran komunal.

Bahagian B menggunakan skala likert lima mata yang berpandukan skor 1,2,3,4 dan 5 iaitu merangkumi **Sangat Tidak Setuju**, **Tidak Setuju**, **Tidak Pasti**, **Setuju** dan **Sangat Setuju** di mana responden akan menyatakan kekuatan pendapat mereka terhadap item-item yang diketengahkan dalam edaran soal selidik. Bagi memenuhi objektif kajian ini, satu set borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada responden yang terlibat. Data-data yang terhasil daripada soal selidik merupakan data mentah dan kemudiannya dianalisis untuk memperoleh output kajian yang dijalankan. Dalam fasa ini, data-data telah dikumpulkan dalam bentuk ordinal skala likert dan data tersebut telah ditukar ke dalam bentuk interval sebelum dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS versi 26). Data tersebut seterusnya telah dianalisis secara statistik deskriptif bagi membincangkan secara mendalam ciri-ciri pemboleh ubah.

Kajian ini menggunakan skala interpretasi skor min oleh Hills & Narayanan (1988) dan sisihan piawai untuk menyatakan tahap kuasa bagi setiap item. Berdasarkan Jadual 1 di bawah, interpretasi skor min berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 3.67 hingga 5.00. Seterusnya, interpretasi skor min bagi item yang mempunyai nilai min antara 2.34 hingga 3.66 dinyatakan pada tahap sederhana. Manakala, item yang mempunyai nilai min antara 1.00 hingga 2.33 adalah berada pada tahap rendah.

JADUAL 1. Interpretasi Skor Min

Perkara	Interpretasi skor min
1.00 hingga 2.33	Tahap Rendah
2.34 hingga 3.66	Tahap Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tahap Tinggi

Sumber: Hills & Narayan (1998)

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data yang telah diperoleh dalam sub-topik ini adalah hasil daripada pengedaran borang soal selidik kepada 150 orang responden Orang Asli di tujuh (7) perkampungan Orang Asli. Seterusnya, data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS versi 26) untuk tujuan statistik. Sehubungan itu, sub-topik ini bertujuan untuk meneliti keperluan hak milik tanah bergeran dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Data berkaitan keperluan hak milik tanah bergeran dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang mempunyai berlainan jantina, umur, etnik, suku, agama, status, bilangan isi rumah, taraf pendidikan dan tempat tinggal seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Hasil kajian ini telah dianalisis dan diperoleh berdasarkan edaran borang soal selidik ke atas 150 orang sampel Orang Asli yang terdapat di 8 buah kampung Orang Asli sekitar negeri Selangor, Perak dan Pahang. Kebanyakan responden menetap di sekitar daerah Selangor dan berasal dari suku Temuan dan Mah Meri iaitu 20% (30 orang) di Kg. Orang Asli Bukit Cheeding, 20% (30 orang) di Kg. Orang Asli Desa Kemandol, 20% (30 orang) di Kg. Orang Asli Pulau Kempas dan 13.3% (20 orang) di Kg. Orang Asli Sungai Buah, Dengkil.

Kebanyakan daripada mereka adalah Melayu-Proto atau lebih dikenali sebagai Melayu Asli yang menetap di Semenanjung Malaysia. Suku Temuan adalah suku keempat terbesar dalam hierarki kaum Orang Asli. Kelompok ini juga mempunyai ciri persamaan dengan kaum Melayu berdasarkan sejarah selain penempatan mereka berjiran dengan kaum tersebut. Mereka mempunyai budaya, adat resam, bahasa dan perayaan yang tersendiri. Malah, terdapat juga dalam kalangan responden terdiri daripada etnik Mah Meri kerana kemungkinan mereka baru berpindah ke kawasan kajian atau berkahwin dengan sepupu atau saudara mara daripada suku lain. Terdapat 22.7% (10 orang) menetap di kampung Orang Asli sekitar negeri Perak iaitu tertumpu kepada Kg. Chang Lama dan Kg. Chang Baru, Bidor berasal dari suku Semai. Manakala, sekitar 20 % (30 orang) menetap di Kg. Orang Asli Pos Iskandar, Bera di negeri Pahang yang kesemuanya berasal dari suku Semelai.

Seterusnya, majoriti responden tidak bekerja dalam bidang profesional kerana mereka tidak mempunyai pendidikan yang tinggi sebaliknya bekerja sendiri untuk menampung kehidupan diri dan keluarga seperti seperti berkebun, peniaga sayur-sayuran atau buah-buahan, peladang kelapa sawit, penoreh getah, pembeli getah, pekerja kebun cina, peniaga kedai runcit, dan pengusaha kolam ikan iaitu sebanyak 58% (87 orang). Tambahan pula, pada waktu siang kebiasaannya mereka selalu sibuk dengan pekerjaan masing-masing. Terdapat segelintir masyarakat Orang Asli mengusahakan pertanian kecil-kecilan di sekeliling rumah seperti ubi kayu, kacang panjang, pokok betik dan sebagainya. Seterusnya, terdapat juga dalam kalangan responden Orang Asli yang tidak bekerja iaitu 35.0% (35 orang). Mereka ini terdiri daripada golongan wanita atau suri rumah tangga yang kebiasaannya tinggal di rumah dengan menjalankan kegiatan rutin harian mereka. Sementara itu, terdapat sebanyak 12% (18 orang) bekerja dalam sektor swasta termasuklah pekerja atau kontraktor landskap, tukang sapu, pemandu lori, juruukur jalan, pekerja kilang dan buruh. Hal ini kerana kebanyakan agensi swasta terutamanya dalam sektor pembangunan atau pembinaan lazimnya menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat bagi melaksanakan projek yang dijalankan. Manakala, selebihnya didapati 6.7% (10 orang) sampel bekerja dalam agensi kerajaan seperti pengawal keselamatan sekolah, jururawat, guru tadika, pemandu klinik kesihatan dan kakitangan Majlis Agama Islam. Dalam konteks ini, pentingnya aspek pendidikan perlu diteliti dengan lebih mendalam kerana akan mempengaruhi kehidupan komuniti Orang Asli (Letchamanan et al., 2021).

JADUAL 2. Demografi Responden

Demografi Responden		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	94	62.7
	Perempuan	56	37.3
Umur	21-30 Tahun	29	19.3
	31-40 Tahun	58	38.7
	41-50 Tahun	43	28.7
	51-60 Tahun	12	8.0
	>60 Tahun	8	5.3
Tempat Tinggal	Kg Bukit Cheeding	30	20.0
	Kg Desa Kemandol	30	20.0
	Kg Pulau Kempas	30	20.0
	Kg. Chang Baru	4	2.7
	Kg. Chang Lama	6	4.0
	Kg. Sungai Buah	20	13.3

	Pos Iskandar Bera	30	20.0
Etnik	Orang Asli	150	100.0
Suku	Mah Meri	1	0.7
	Semai	10	6.7
	Semelai	30	20.0
	Temuan	109	72.7
Agama	Islam	12	8.0
	Kristian	9	6.0
	Lain-Lain	129	86.0
Status	Bujang	19	12.7
	Berkahwin	121	80.7
	Ibu Tunggal	9	6.0
	Bapa Tunggal	1	0.7
Taraf Pendidikan	Sarjana Muda	1	0.7
	Diploma/Matrikulasi/Asasi	3	2.0
	SPM	76	50.7
	Sekolah Rendah	48	32.0
	Tidak Bersekolah	22	14.7
Bilangan isi rumah	1-3 orang	31	20.7
	4-7 orang	63	42.0
	>8 orang	56	37.3
Jenis Pekerjaan	Bekerja Sendiri	87	58.0
	Tidak Bekerja	35	23.3
	Kakitangan Swasta	18	12.0
	Kakitangan Kerajaan	10	6.7
Pendapatan Kasar Keluarga	<RM1000	96	64.0
	RM1000 - RM 3000	50	33.3
	RM3000 -RM5000	4	2.7
Status Pemilikan Tanah	Bergeran	13	8.7
	Bukan Tanah Rizab	1	0.7
	Persenderian	1	0.7
	Persendirian	4	2.7
	Rizab Kerajaan	58	38.7
	Tanah Sendiri	1	0.7
	Tidak Pasti	12	8.0
	Warta	60	40.0

Sumber: Kajian lapangan 2022

Jadual 3 menunjukkan kumulatif min skor elemen keperluan pemilikan tanah berstatus geran dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Analisis kajian mendapati elemen adat dan identiti merupakan elemen yang utama kerana mencatatkan kumulatif min skor yang paling tinggi iaitu 3.69. Seterusnya, diikuti dengan elemen sosial dengan catatan min skor iaitu 3.52, kemudiannya elemen ekonomi dengan catatan min skor iaitu 3.39 serta elemen pemeraksanaan dengan min skor iaitu 3.05. Manakala, elemen budaya didapati mencatatkan kumulatif min skor min yang paling rendah iaitu 2.93.

JADUAL 3. Kumulatif Skor Min

Elemen Keperluan Pemilikan	Kumulatif Skor Min
Adat dan Identiti	3.69
Budaya	2.93
Ekonomi	3.39
Sosial	3.52
Pemeriksaan	3.05

Sumber: Kajian lapangan 2022

ADAT DAN IDENTITI

Bagi elemen adat dan identiti, analisis mendapati item tanah adalah sumber yang bernilai mencatatkan nilai min iaitu 4.33 pada tahap tinggi (Rujuk Jadual 4). Seterusnya, item Orang Asli sebagai “penjaga tanah” dicatatkan dengan nilai min iaitu 4.21 diikuti dengan item hubungan tersangat rapat antara Orang Asli dan tanah dengan nilai min iaitu 3.69. Hal ini kerana tanah merupakan sumber yang berharga penting bagi mengekalkan hubungan rohani dengan wilayah dan tanah Orang Asli yang diwarisi secara tradisi kepada generasi mereka (Subramaniam & Nicholas, 2018).

Manakala, item menjamin hak milik tanah secara eksklusif seperti menduduki, mengguna, menyewa, menjual dan memusnahkan memperoleh nilai min yang paling rendah iaitu 3.36. Hal ini kerana hak milik tanah merupakan hak mengguna atau mengawal bagi pemilik tanah (Stankovics et al., 2020). Hak ini merangkumi pegangan terhadap tanah dan bebas sepenuhnya untuk membuat keputusan tentang penggunaannya (Stankovics et al., 2020). Orang Asli menjaga tanah saka daripada sebarang bentuk pencerobohan kerana tanah tersebut adalah warisan yang melambangkan identiti sebenar sebagai Orang Asli dan tanah tersebut menjadi sumber sampingan dalam aktiviti bercucuk tanam (Hasan, 1991). Walaupun masyarakat Orang Asli tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber tanah, akan tetapi komuniti ini lebih memperjuangkan keberadaan pemilikan tanah ini sebagai salah satu warisan adat tinggalan nenek moyang dan dilihat sebagai satu simbolik kepada identiti kehidupan mereka.

JADUAL 4. Elemen Adat dan Identiti

Pernyataan	Tahap	Purata	S. Piawai
Menjamin pengiktirafan pemilikan secara formal	Sederhana	3.4667	0.98762
Melindungi hakmilik tanah melalui undang-undang	Sederhana	3.4470	1.0589
Mengekalkan keberadaan & ketersediaan tanah melalui peraturan	Sederhana	3.4733	1.08496
Mengelakkan kekeliruan pemilik tanah	Sederhana	3.3600	0.97127
Menjamin hak milik tanah secara eksklusif seperti menduduki, mengguna, menyewa, menjual dan memusnahkan	Sederhana	3.4467	1.05256
Orang Asli sebagai “penjaga tanah”	Tinggi	4.2067	0.45313
Menjamin cara hidup adat seperti amalan dan kepercayaan	Tinggi	3.7667	0.78933
Tanah sebagai nadi kehidupan dan kelangsungan Orang Asli	Tinggi	3.7867	0.83213
Tanah adalah sumber yang bernilai	Tinggi	4.3333	0.52669
Hubungan tersangat rapat antara Orang Asli dan tanah	Tinggi	3.6933	0.93368
Kumulatif skor		3.69 (Tinggi)	

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

SOSIAL

Selain itu, berdasarkan elemen sosial pula analisis kajian menunjukkan item mengenalpasti sempadan-sempadan tanah yang diduduki telah memperoleh nilai min iaitu 3.76 pada tahap yang tinggi (Rujuk Jadual 5). Seterusnya, item mengeratkan ikatan kekeluargaan memperoleh nilai min iaitu 3.25 dan item mementingkan penglibatan Orang Asli dalam rancangan pembangunan pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana pemilikan secara tanah bergeran membantu masyarakat Orang Asli melindungi sempadan-sempadan wilayah tanah mereka daripada isu pencerobohan tanah. Dengan adanya tanah bergeran ini, komuniti ini dapat mengurus hasil daripada tanah bagi memperkukuhkan keberadaan pemilikan tanah mereka (Hanida et al., 2020).

Manakala, item memperbaiki kawalan atau “social conventions” ke atas tanah telah mencatatkan nilai min iaitu 2.50 pada tahap yang paling rendah bagi elemen sosial. Hak milik dalam konteks ini menjelaskan satu persetujuan di antara masyarakat orang Asal, keluarga mahupun organisasi dalam menentukan bagaimana hak terhadap tanah dipegang dan digunakan dengan baik. Oleh yang demikian, tanah yang bergeran penting dalam memperoleh akses kepada tanah terutamanya dalam konteks keselamatan pemilikan, pertumbuhan ekonomi, pengurusan sumber semulajadi serta resolusi kepada konflik (USAID, 2013). Sebagai contoh, proses mobiliti sosial bagi memperbaiki kedudukan hidup dan status sosioekonomi individu atau kumpulan masyarakat ke arah yang lebih baik adalah penting dalam pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan (Nor Azlili et al., 2023).

JADUAL 5. Elemen Sosial

Pernyataan	Tahap	Purata	S. Piawai
Menjamin ciri-ciri individu dan sosial pribumi	Sederhana	3.0933	0.70802
Menjamin resolusi kepada konflik dan isu-isu tanah adat	Sederhana	2.8133	0.82239
Menenalpasti sempadan -sempadan tanah yang diduduki	Tinggi	3.7600	0.85671
Mempercepat proses pengeluaran dokumen pemilikan yang sah	Sederhana	3.0867	1.28980
Mementingkan penglibatan Orang Asli dalam pembangunan	Sederhana	3.1533	0.93935
Mengeratkan ikatan kekeluargaan	Sederhana	3.2467	1.31556
Memperbaiki interaksi sosial dalam kalangan pemilik tanah	Sederhana	2.6467	0.67691
Mencapai perkongsian tanah secara bersama	Sederhana	2.9867	0.73262
Memperbaiki ikatan solidariti	Sederhana	2.5933	0.60309
Memperbaiki ikatan leluhur kolektif	Sederhana	2.7133	0.72664
Menjamin pengurusan sumber semula jadi yang baik	Sederhana	2.9800	1.03930
Mencapai tuntutan hak terhadap wilayah adat	Sederhana	2.8267	1.07283
Menjamin aksesibiliti kepada tanah	Sederhana	2.7467	0.95669
Menggalakkan usaha pemuliharaan tanah & sumber semulajadi	Sederhana	2.7533	1.00293
Memperbaiki kawalan atau “social conventions” ke atas tanah	Sederhana	2.5000	0.69272
Kumulatif skor		2.93	(Sederhana)

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

EKONOMI

Merujuk Jadual 6 pada elemen ekonomi pula, analisis kajian mendapati bahawa item menjamin kesejahteraan hidup dan mengawal risiko persaingan ke atas tanah mencatatkan nilai min iaitu 3.84 pada tahap yang tinggi. Seterusnya, item memperbaiki pendapatan sara diri atau mata pencarian dan item memperbaiki produktiviti ekonomi mencatatkan nilai min iaitu 3.82 pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana tanah bukan sahaja dilihat sebagai tempat bercucuk tanam dan mencari rezeki tetapi tanah juga berfungsi sebagai modal dan pelaburan jangka panjang demi kelangsungan dan kesejahteraan hidup (Haslindawati et al., 2023). Malah, tanah sebagai sumber ekonomi yang sememangnya memainkan peranan penting dalam kehidupan Orang Asli. Terdapat pelbagai usaha

telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan bagi membangunkan Orang masyarakat Asli di Malaysia khususnya memperbaiki aspek sosio-ekonomi mereka yang dianggap ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum lain (Hasan Mat Nor, 1989; Carey 1976: 331-333). Sebagai contoh, usaha pihak kerajaan dalam memberikan tanah, menyediakan perbelanjaan dan menubuhkan pusat kesihatan menjamin kesejahteraan hidup dan ekonomi masyarakat setempat (Norazilawati et al., 2022).

Orang Asli berhadapan dengan pelbagai isu dan konflik pencerobohan tanah menyebabkan mereka menginginkan pemilikan tanah yang bergeran disebabkan nilai tanah yang semakin terhad dan berharga. Menurut Zainal Zuhilmi (2015), menjelaskan bahawa kepentingan tanah menjadi sumber utama bagi semua hidupan dalam konteks perlindungan, sumber makanan dan air telah menjadi faktor pendorong kepada keperluan milikan tanah yang lebih jelas dan diiktiraf. Manakala, item menjamin pengagihan tanah kepada setiap ahli secara teratur memperoleh nilai min yang paling rendah bagi aspek ekonomi iaitu 2.51. Oleh itu, pemilikan tanah yang bergeran perlu bagi memastikan penggunaan tanah secara teratur dalam kalangan pemilik tanah.

JADUAL 6. Elemen Ekonomi

Pernyataan	Tahap	Purata	S. Piawai
Memperbaiki produktiviti ekonomi	Tinggi	3.8267	0.98135
Menjamin kesejahteraan hidup	Tinggi	3.8400	0.99718
Menjamin pengelolaan kekayaan daripada tanah	Sederhana	3.0533	0.80923
Memperbaiki survival seperti sumber bahan mentai ekonomi	Sederhana	2.5133	0.77491
Menjamin pengagihan tanah kepada setiap ahli secara teratur	Sederhana	3.2733	1.57538
Mengurangkan risiko persaingan ke atas tanah	Tinggi	3.8467	1.14538
Mengawal permintaan tanah yang tinggi di pasaran	Sederhana	3.5800	1.29153
Mempertahankan tanah agar tidak diceroboh oleh pemaju	Sederhana	3.1600	1.53736
Memperbaiki pendapatan sara diri atau mata pencarian	Tinggi	3.8267	1.09757
Memperbaiki kelestarian tanah dan sumber semula jadi	Sederhana	2.9867	1.04904
Kumulatif skor		3.39 (Sederhana)	

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-52.00)

BUDAYA

Seterusnya, bagi elemen budaya analisis kajian menunjukkan item menjamin identiti tanah dianggap sebagai rumah mencatatkan nilai min iaitu 4.15 pada tahap yang (Rujuk Jadual 7). Seterusnya, item menjamin pengaturan pengetahuan dan bahasa memperoleh nilai min iaitu 4.06 pada tahap yang tinggi. al ini kerana tanah bagi orang Asal sebagai “rumah” atau tempat tinggal, menampung sara hidup komuniti, menyimpan cerita atau pengalaman hidup serta memegang budaya dan amalan kepercayaan adat suku mereka. Manakala, item mempertahankan tempat suci yang dihormati telah memperoleh nilai min iaitu 2.075 pada tahap yang rendah. Ini menjelaskan masyarakat Orang Asli lazimnya mempunyai hubungan dan interaksi yang sangat istimewa dengan tanah berdasarkan rohani, budaya dan spiritual. Oleh itu, tanah sememangnya penting khusus dalam konteks kerangka sosial, budaya, emosi dan bahasa yang luas telah memberi identiti yang unik dan tersendiri bagi masyarakat Orang Asli (Antonio & Griffith-Charles, 2019).

JADUAL 7. Elemen Budaya

Pernyataan	Tahap	Purata	S. Piawai
Menjamin identiti tanah dianggap sebagai rumah	Tinggi	4.1533	1.13951
Memperjuangkan budaya dan tradisi Orang Asli	Tinggi	3.8000	0.84345
Menjamin kedaulatan Orang Asli	Tinggi	3.7933	0.82166
Mempertahankan tempat suci yang dihormati	Sederhana	2.5000	0.91042
Meningkatkan keselamatan pemilikan tanah	Sederhana	3.1800	1.08727
Menjamin pengaturan budaya	Sederhana	2.7933	0.82166
Menjamin pengaturan pengetahuan dan bahasa	Tinggi	4.0600	0.89165
Memelihara ekologi tanah	Tinggi	3.8067	0.78318
Menjamin pengenalan pastian sempadan-sempadan tanah adat	Tinggi	3.6867	0.91326
Menggalakkan Orang Asli menentukan sendiri apa yang terbaik untuk tanah mereka	Sederhana	2.67373	2.67373
Kumulatif skor		3.52 (Sederhana)	

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

PEMERKASAAN

Elemen yang terakhir dalam keperluan pemilikan tanah bergeran dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah pemeraksanaan (Rujuk Jadual 8). Analisis mendapati item menggalakkan perjuangan terhadap tanah telah mencatatkan nilai min iaitu 3.19 pada tahap yang sederhana. Aspek berkaitan pentadbiran tanah penting bagi membolehkan masyarakat Orang Asli menuntut hak terhadap tanah (Persoon 1998; Li 2010). Dengan adanya tanah yang bergeran membolehkan komuniti ini memperjuangkan hak tanah yang diiktiraf khususnya dalam konteks pemilikan tanah. Manakala, item mengawal campur tangan dalam governan telah mencatatkan nilai min iaitu 2.89 pada tahap yang rendah. Ini menjelaskan aspek pemeraksanaan atau governan perlu diberi penekanan bagi menimbulkan kesedaran dan pemahaman dalam komuniti Orang Asli untuk melibatkan diri dalam mengatasi isu-isu hak tanah adat mereka. Oleh itu, perlindungan undang-undang hak tanah adat terutamanya dalam konteks pendokumentasian bukti-bukti tanah penting bagi mengatasi isu pertikaian tanah dan risiko kehilangan tanah (John Phoa, 2009). Sebagai contoh, isu kegiatan pembalakan dan perladangan komersil ke dalam kawasan masyarakat Orang Asli telah menjejaskan wilayah tradisional mereka.

JADUAL 8. Elemen Pemeraksanaan

Pernyataan	Tahap	Purata	S. Piawai
Menggalakkan kerjasama antara Orang Asli dengan agensi	Rendah	2.9200	1.20134
Mengawal campur tangan dalam governan	Rendah	2.8933	1.22143
Memperbaiki negosiasi dalam governan	Rendah	2.9800	1.25570
Mengelakkan konflik tanah berskala besar	Rendah	3.0133	1.27961
Menjamin reformasi untuk mendapatkan hak pemilikan	Rendah	3.1000	1.12775
Menggalakkan perjuangan terhadap tanah	Sederhana	3.1933	1.19111
Menambah baik fungsi bidang kuasa pihak berkuasa	Rendah	2.9533	1.14889
Memudahkan proses perjanjian dan perbincangan	Rendah	3.0667	1.02103
Kumulatif skor		3.02 (Sederhana)	

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

Di beberapa buah kampung Orang Asli misalnya Kg. Pulau Kempas dan Kg. Bukit Cheeding tanah yang diduduki telah diwartakan. Menurut wakil batin atau ketua suku Orang Asli berpendapat bahawa hak milik tanah bergeran sememangnya penting bagi melindungi pendudukan mereka di tanah khususnya dalam konteks pemilikan tanah. Hal ini kerana tanah dianggap sumber yang penting digunakan untuk tempat tinggal, mata pencarian, sumber kebudayaan atau spiritual. Beliau berpendapat bahawa sebanyak 80% Orang Asli kemungkinan bersetuju dengan hak milik tanah yang bergeran manakala 20% tidak bersetuju disebabkan oleh beberapa faktor seperti perbezaan pendapat, kesedaran atau bayaran cukai tanah yang dikenakan.

Secara keseluruhannya, kajian mendapati elemen adat dan identiti Orang Asli merupakan elemen yang paling utama. Hal ini kerana tanah merupakan sumber yang paling bernilai menyumbang kepada kesejahteraan hidup seharian komuniti Orang Asli dan generasi yang akan datang. Walau bagaimanapun, kelima-lima elemen pemilikan tanah bergeran iaitu adat dan identiti, sosial, budaya, ekonomi dan pemeraksanaan ini didapati saling bergantung dan mempengaruhi antara satu sama lain dalam kehidupan Orang Asli.

KESIMPULAN

Kesimpulannya dapatan kajian telah memperlihatkan keperluan pemilikan tanah komunal dari perspektif Orang Asli. Dapatan kajian telah memberikan makna tanah yang sememangnya merujuk status sosial dan identiti sosial. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli melihat tanah komunal sebagai identiti sosial dan mencerminkan hubungan mereka dengan nenek moyang. Walau bagaimanapun, isu yang berkaitan persempadanan mahupun ketiadaan hak memiliki tanah yang diiktiraf secara formal mahupun seperti geran tanah telah menyebabkan tuntutan demi tuntutan terhadap tanah akibat daripada persaingan dan konflik. Implikasi dari konflik atau pertikaian tersebut telah mendorong pemilik tanah mempunyai kesedaran supaya berjuang untuk mengubah status pemilikan tanah komuniti mereka. Hal ini seterusnya menggalakkan komuniti Orang Asli untuk menuntut pengiktirafan terhadap pemilikan tanah yang lebih jelas bagi melindungi kepentingan mereka. Melihat situasi negara kini pihak kerajaan mula melihat keperluan pemberimilikan secara tanah komunal kepada Orang Asli kerana boleh memperkasa kesejahteraan dan perlindungan dalam konteks jaminan keselamatan pemilikan tanah. Oleh itu, keperluan Orang Asli mendapatkan pengiktirafan pemilikan tanah mengikut peruntukan undang-undang formal supaya membolehkan tanah mereka dilindungi daripada pelbagai konflik seperti pengambilan tanah atau pencerobohan tanah. Oleh itu, rangka pemilikan tanah komunal perlu diberi penekanan oleh pihak kerajaan negeri terutamanya jenis pemilikan yang sesuai untuk pengiktirafan dan perlindungan terhadap Orang Asli. Hal ini penting supaya kedua-dua pihak yang berkepentingan dapat menikmati hak-hak yang sama rata dan adil dalam konteks pemilikan tanah.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2020-057) kerana telah membiayai kajian ini.

RUJUKAN

- Anderson, Kirsten E. 2011. "Communal Tenure and the Governance of Common Property Resources in Asia: Lessons of Experiences in Selected Countries." Land Tenure Working Paper 20. Food and Agriculture Organization of the United Nations, Rome.
- Antonio, W., & Griffith-Charles, C. 2019. Achieving land development benefits on customary/communal land. *Land Use Policy* 83: 124–133.
- Baird, I. G. 2023. Indigenous communal land titling, the microfinance industry, and agrarian change in Ratanakiri Province, Northeastern Cambodia. *The Journal of Peasant Studies* 1-27.
- Baird, Ian G. 2013. Indigenous Peoples' and Land: Comparing Communal Land Titling and its Implications in Cambodia and Laos. *Asia Pacific Viewpoint* 54 (3).
- Baker, S.H., 2013. Why the IFC's Free, Prior, and Informed Consent Policy does not matter (yet) to Indigenous communities affected by development projects. *Wisconsin International Law Journal* 30 (3): 668–705.
- Bappi, S. A. 2024. The imperative and reality of constitutional recognition for indigenous land rights in Bangladesh. *Law and Society Students' Journal*, 1(1): 17-17.
- Bell, K., Hermoza, R. T., Staddon, C., Willems, B., Maldonado, F. C., Berrocal, N. T., & Flores, L. P. 2023. The fences of Chuschi: The impacts of land enclosure on an Andean indigenous community. *Journal of Rural Studies* 97: 224-234.
- Bennett, A., Larson, A., Ríos, A. Z., Monterroso, I., & Sheila, G. 2023. Forty-year multi-scale land cover change and political ecology data reveal a dynamic and regenerative process of forests in Peruvian Indigenous Territories. *Global Environmental Change* 81, 102695: 1-16.
- Camino, M., Aceves, P. A. V., Alvarez, A., Chianetta, P., de la Cruz, L. M., Alonzo, K. & Cortez, S. 2023. Indigenous Lands with secure land-tenure can reduce forest-loss in deforestation hotspots. *Global Environmental Change*, 81(102678).
- Carey, I., 1976. *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: OUP.
- Colchester, M. 2004. Indigenous peoples and communal tenures in Asia. *Land Reform* 1: 28-45.
- Cronkleton, P., Valencia, F., Saldaña, J. S., & Larson, A. M. 2019. *Progress and pitfalls for the titling of native communities in San Martín and Ucayali, Peru: A summary*. CIFOR.
- Derbidge, J. 2021. *Tenure rights in state forestland of Lao PDR. Briefing note #1*. Vientiane: Mekong Region Land Governance project.
- Dio Pratama, Nuzul Rahmayani, Mahlil Adriaman. 2024. Analisis status kepemilikan tanah adat dan perlindungan hak masyarakat dalam pemindahan ibu kota negara di Kalimantan Timur: Universitas Muhammadiyah Sumatera Barat. *YUSTISI (Jurnal Hukum & Hukum Islam)*, 11(1): 313-322.
- Fahmi, C. 2024. The application of international cultural rights in protecting Indigenous peoples' land property in Indonesia. *AlterNative: An International Journal of Indigenous Peoples*, 20(1): 157-166.
- Filiberto Penados, Levi Gahmanb, Shelda-Jane Smith. 2022. Land, race, and (slow) violence: Indigenous resistance to racial capitalism and the colonality of development in the Caribbean. *Geoforum* 1-11.
- Flanagan, T., Alcantara, C., LeDressay, A. 2010. *Beyond the Indian Act: Restoring Aboriginal Property Rights*. McGill Queen's University Press.

- Fligg, R.A. 2019. Modelling Land-Use Change for Indigenous Socio-Economic Development: Curve Lake First Nation, Canada, Annual World Bank Conference on Land and Poverty, Washington DC, 2019.
- Gwerevende, S. 2023. Chilonga cultural landscape in the shadow of eviction: living cultural heritage, livelihoods and minority Indigenous people's rights under threat in Zimbabwe?. *International Journal of Heritage Studies* 29(7): 627-642.
- Hanida, R. P., Rozi, F., & Irawan, B. 2020. Policy advocacy strategy for protecting the existence of communal land ownership in investment activities. *International Conference on Public Administration, Policy and Governance (ICPAPG 2009)*: 318–322.
- Hariyanto, H., Azizah, M., & Nurhidayatulloh, N. 2024. Does the government's regulations in land ownership empower the protection of human rights?. *Journal of Human Rights, Culture and Legal System*, 4(2): 391-421.
- Hasan Mat Nor. 1989. Pengumpulan semula Orang Asli di Betau: Satu penelitian ringkas. *Akademika* 35 (Julai 1989): 97-112.
- Hasan Mat Nor. 1991. Orang Asli dan Dasar Tanah: Tinjauan Awal di Tapah, Perak. *Akademika* 38 (Januari 1991): 105 -120.
- Haslindawati Saari, Azima Abdul Manaf & Norizan Kadir. 2023. Isu Tanah Dan Hutang Dalam Kalangan Orang Melayu Kedah Berdasarkan Surat Undang-Undang, 1882-1909. *Akademika*, 93(1): 91-102.
- Hills, G. E., & Narayana, C. L. 1992. Profile characteristics, success factors, and marketing in highly successful firms. In R. H. Brockhaus, Sr., et al. (Ed.), *Frontiers of Entrepreneurship Research*. Wellesley, Mass.: Babson College Center for Entrepreneurship Studies.
- Kaneko, Y. 2021. Origin of land disputes: Reviving colonial apparatus in land law reforms. In *Land Law and Disputes in Asia* (pp. 3-31). Routledge.
- Keris, T., & De Silva, M. 2024. Impak polisi kolonial dan krisis global terhadap sekuriti makanan di Nigeria (1900-1920). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(3): 1-15.
- Kohler, F., Brondizio, E.S., 2017. Considering the needs of indigenous and local populations in conservation programs. *Conserv. Biol.* 31(2): 245–251.
- Labibah, I. F., Hasanah, I. Z., & Yalhan, M. A. 2024. Peran Masyarakat Adat dalam Pemanfaatan dan Perlindungan Hukum Tanah Ulayat Sumatera Barat. *Journal Customary Law*, 1(2):15-15.
- Letchamanan, H., Abdullah, N. S. M., & Fadzil, K. S. 2021. Language Education for Orang Asli Children in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 29.
- Lewis, O. 2023. Legal Pluralism and Land Ownership in Nigeria: A Tale Of Two Unworkable Systems.
- Luturmas, A., & Maekbun, M. 2023. Tinjauan yuridis kekuatan hukum pelepasan tanah adat di kabupaten teluk bintuni. *Mansinam Law Review*, 1: 41-57.
- Malaysia. 1954. Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). (Pindaan 2006).
- Monterroso, I., & Larson, A. M. 2018. *Progress in formalizing" native community" rights in the Peruvian Amazon (2014-2018)* (Vol. 233). CIFOR.
- Monterroso, I., Cronkleton, P., Pinedo, D., & Larson, A. M. 2017. *Reclaiming collective rights: Land and forest tenure reforms in Peru (1960-2016)* (Vol. 224). CIFOR.
- Muhamad Sayuti Hassan & Rohaida Nordin. 2023. Pengiktirafan Hak Orang Asal di Sisi Undang-undang: Analisis Perbandingan antara Malaysia dengan Filipina dan New Zealand. *Malaysian Journal of Law & Society*, 33.

- Muhammad Taufiq Hidayat & Nugroho, E. R. 2024. Kedudukan Hak Milik Perorangan Atas Tanah Adat Suku Moi Di Papua Barat (Studi Kasus Pada Kota Sorong Provinsi Papua Barat). In *Prosiding Seminar Hukum Aktual Fakultas Hukum Universitas Islam Indonesia*, (Vol. 2, No. 2, pp. 113-124).
- Nicholas, George, & Claire Smith. 2020. Considering the Denigration and Destruction of Indigenous Heritage as Violence .In *Critical Perspectives on Cultural Memory and Heritage: Construction, Transformation and Destruction*, edited by Veysel Apaydin, pp.131–154. UCLPress, London.
- Nor Azlili Hassan, Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan, Azlina Abdullah, Hairol Anuar Mak Din, Marzudi Md Yunus. 2023. Social Mobility among the Malaysian Land Development Settlers. *Akademika* 93(1): 403-414.
- Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. 2022. Penglibatan wanita Melayu dalam memperkasa sosioekonomi dan kesejahteraan hidup menerusi penanaman padi di Terengganu pada awal abad 20 (The involvement of Malay women in empowering socio-economics and well-being through paddy cultivation in Terengganu in the early 20th century). *Akademika* 92(3): 117-131.
- Oluwatayo, I. B., Omowunmi, T., & Ojo, A. O. 2019. Land acquisition and use in Nigeria: implications for sustainable food and livelihood security. *Land use: assessing the past, envisioning the future*, 91-110.
- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. 1957.
- Persoon, G. 1998. Isolated groups or indigenous peoples; Indonesia and the international discourse. *Bijdragen Tot De Taal-, Land- En Volkenkunde* 154(2): 281-304.
- Phoa, J. 2009. Protecting Native Customary Rights: Is Legal Recourse Viable Alternative? *Akademika* 77: 69-89.
- Pichler, M., Bhan, M., & Gingrich, S. 2021. The social and ecological costs of reforestation. Territorialization and industrialization of land use accompany forest transitions in Southeast Asia. *Land Use Policy* 101(105180): 1-12.
- Robert A. Fligg, Brian Ballantyne, Derek T. Robinson. 2022. Informality within Indigenous land management: A land-use study at Curve Lake First Nation, Canada. *Land Use Policy* 112(105786): 1-14 .
- Robert A. Fligg, Robinson, D.T. 2019. Reviewing First Nation land management regimes in Canada and exploring their relationship to community well-being. *Land Use Policy* 90(104245): 1-13.
- Schreckenberg, K., Mace, G., Poudyal, M. (eds). 2018. *Ecosystem Services and Poverty Alleviation: Trade-offs and Governance*, Routledge Handbook of Ecosystem Services. Oxford: Routledge.
- Shittu & Ors. v Hassan. 2018. LPELR 45555 (CA).
- Stankovics, P., Montanarella, L., Kassai, P., Tóth, G., & Tóth, Z. 2020. The interrelations of land ownership, soil protection and privileges of capital in the aspect of land take. *Land Use Policy* 99(105071): 1-9.
- Suhardiman, D., Phayouphorn, A. M., Gueguen, A., & Rigg, J. (2023). Silent transitions: Commercialization and changing customary land tenure systems in upland Laos. *Land Use Policy* 126(106541).
- Torres-Mazuera, G. 2023. Dispossession through land titling: Legal loopholes and shadow procedures to urbanized forestlands in the Yucatán Peninsula. *Journal of Agrarian Change* 23(2): 346-364.

- USAID. 2013. Land Tenure and Property Rights Framework. 3 September.
- Weitzner, V., 2019. Between panic and hope: Indigenous people, gold, violence(s) and FPIC in Colombia, through the lens of time. *The Journal of Legal Pluralism and Unofficial Law* 51 (1): 3–28.
- Welch, J. R., Cowell, S., Ryan, S. L., Whiting, D., & Cantley, G. J. 2023. Cultural resource damage assessment. *Advances In Archaeological Practice* 11(2): 111-125.
- Witthayapak, Chusak & Ian G. Baird. 2018. “Communal Land Titling Dilemmas in Northern Thailand: From Community Forestry to Beneficial Yet Risky and Uncertain Options.” *Land Use Policy* 71: 320–328.
- Yew Wong Chin, Saiful Farisin Md Ramlan, Sia Mal Kong & Ismail Ibrahim. 2023. Pemerkasaan dan Pembangunan Komuniti Orang Asli Melalui Ekopelancongan. *Akademika*, 93(1): 219-235.
- Yogeswaran Subrananiam. 2013. Affirmative action and the legal recognition of customary land rights in Peninsular Malaysia: The Orang Asli experience. *AILR*, 17(103).
- Yogeswaran Subramaniam. 2012. *Orang Asli land rights by UNDRIP standards in Peninsular Malaysia: an evaluation and possible reform*. Doctoral dissertation, UNSW Sydney.
- Zainal Abidin, Z. Z., & Ta Wee, S. 2013. Isu konflik tanah adat bagi Orang Asli di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Geografi Dan Alam Sekitar Kali Ke 4* hlm. 577–583.
- Zvobgo, T. (2021). Danger looms: the Chilonga village evictions in Zimbabwe. *Human Rights Pulse* 22.

NURUL AMIRA ABDUL WAHAB
Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: amirawahab98@gmail.com

AZIMA ABDUL MANAF (Penulis koresponden)
Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: azima@ukm.edu.my